



اَوْبُوْ سَيِّدِيْ تَنْكَبُوْ لَوْ كُنْ مِنْ مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

YANG BERBAHAGIA

PROFESOR EMERITUS DATUK DR. RADUAN CHE ROSE

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

MAJLIS PELANCARAN KIOSK STATSDIGITAL

27 OKTOBER 2023 (JUMAAT)

LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Bismillahirrahmannirahim.

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis.

[SALUTASI – Kemas kini berdasarkan kehadiran]

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan Salam sejahtera.

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, hari ini kita dapat berkumpul dalam **Majlis Pelancaran Kiosk StatsDigital.**

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Universiti Teknologi MARA, saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia** kerana meluang masa bagi memeriah majlis perasmian pada pagi ini.

Para hadirin sekalian,

3. Majlis ini tercetus hasil dari salah satu perkara yang dipersetujui melalui **kunjungan hormat Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) ke atas Ketua Perangkawan Malaysia pada 14 September 2023**. Jalinan kolaborasi seperti ini penting untuk membuktikan komitmen dari kedua-dua pihak iaitu **Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**.

4. Saya difahamkan bahawa perbincangan antara pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak dengan Jabatan Perangkaan Malaysia tempoh hari telah bersetuju untuk melaksanakan aktiviti seperti berikut:

i. **Sesi perkongsian ilmu** pegawai DOSM kepada staf PTAR dan warga UiTM;

ii. **Perkongsian data terbuka, statistik dan bahan kajian** bagi tujuan penyelidikan para penyelidik UiTM;

iii. **Penyerahan penerbitan dan pembukaan kaunter** bagi bertujuan pendedahan maklumat kepada warga UiTM;

5. Selain itu pihak Perpustakaan UiTM juga menawarkan **2 inisiatif** kepada pihak DOSM iaitu :

- Pengaksesan **repositori akses terbuka (Open Access)** sebagai sumber rujukan kepada warga DOSM yang mengandungi **11 juta** judul bahan.
- **PTAR** juga akan memberikan latihan kemahiran **bacaan pantas (Speed Reading)** pada **14 November 2023** dengan penyertaan siri pertama seramai **30 orang staf Jabatan Perangkaan Malaysia**.

6. Tahniah dan syabas kepada **Ts. Haji Azizi Haji Jantan, Ketua Timbalan Pustakawan**, menjalankan Tugas Ketua Pustakawan bagi usaha ini. Saya turut difahamkan bahawa penempatan **Kiosk StatsDigital** di Institusi Pengajian Tinggi merupakan yang pertama dilaksanakan. Saya berharap inisiatif seperti ini akan terus ditingkatkan bagi memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di universiti.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Perpustakaan merupakan gedung ilmu yang menawarkan pelbagai khazanah pengetahuan kepada warga universiti. Koleksi yang **dibangunkan, dipelihara** seterusnya **disebarkan** untuk diakses oleh seluruh pengguna Perpustakaan. Kini, Perpustakaan UiTM telah menyediakan sumber maklumat melalui konsep **diperibadikan pendidikan (Personalized Education)** kepada setiap warga universiti bagi memenuhi keperluan ***Education 5.0***.

8. Penempatan kiosk StatsDigital ini amat penting kepada warga universiti bagi dapatan statistik-statistik negara yang bernilai dalam pelbagai bidang. Dapatan maklumat semasa dan terdahulu menjadi lebih **mudah, cepat dan tepat**. Ia bukan sahaja dikhususkan kepada mereka yang berkecimpung dalam bidang statistik malah kepada semua warga. Saya berharap kemudahan Kiosk ini dapat membantu pembentukan warga **UiTM** agar

menjadi celik statistik melalui **data terbuka** yang **terkini dan sah**.

Hadirin sekalian,

9. **Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik** juga telah lama menjalin hubungan baik dengan Jabatan Perangkaan Malaysia melalui perjanjian persefahaman untuk dapatan data-data sulit dan terkawal bagi tujuan kajian dan sebagainya.

10. Pelantikan **YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin sebagai Profesor Adjung di KPPIM** membuktikan bahawa UiTM melihat kepentingan bidang perangkaan dalam kita membuat keputusan. Kini hubungan tersebut diperluas kepada Perpustakaan.

11. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan yang tidak ternilai oleh YBhg. Dato Sri. Sehubungan dengan itu, sukacita saya mengumumkan bahawa pihak UiTM berbesar hati **melanjutkan**

pelantikan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin sebagai Profesor Adjung UiTM.

Hadirin sekalian,

12. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada seluruh warga UiTM untuk menggunakan kemudahan kiosk StatsDigital yang disediakan ini sebaik mungkin. Ibarat kata pepatah **dayung sudah di tangan, perahu sudah di air**, segala-galanya telah disediakan bagi memastikan warga terutamanya para pelajar mencapai kecemerlangan melalui pelbagai sumber, peralatan dan kemudahan yang disediakan.

13. Akhir kata, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Majlis, warga UiTM dan Jabatan Perangkaan Malaysia, pembekal serta para pelajar yang hadir dalam menjayakan majlis pelancaran kiosk StatsDigital pada hari ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.